



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
MENARA PERKESO, 281 JALAN AMPANG
50538 KUALA LUMPUR

**PEMBERITAHUAN
KEPADA PENERIMA FAEDAH / PENCEN PERKESO**

Salam Satu Malaysia,

Terlebih dahulu, pihak PERKESO ingin merakamkan rasa simpati ke atas apa yang telah berlaku kepada tuan/puan/keluarga dan demi mendokong prinsip keselamatan sosial, maka tuan/puan adalah berhak menerima bayaran faedah seperti yang termaktub dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 & Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971.

Pihak PERKESO amat berbesar hati sekiranya tuan/puan dapat meluangkan masa untuk membaca kandungan pemberitahuan ini bagi tujuan memastikan proses pembayaran faedah kepada tuan/puan berjalan lancar dan teratur.

PERHATIAN :

1. Penerima faedah/pencen adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan dan mengemukakan bersama dokumen yang berkaitan kepada Pejabat PERKESO yang berhampiran dengan kadar segera sekiranya berlaku perubahan status penerima faedah/pencen seperti berikut:

FAEDAH HILANGUPAYA KEKAL / PENCEN ILAT

<u>Penerima Faedah/Pencen</u>	<u>Perubahan Status</u>	<u>Dokumen/Maklumat Diperlukan</u>
▪ Penerima Faedah/Pencen	- Meninggal dunia	- Sijil kematian

FAEDAH ORANG TANGGUNGAN / PENCEN PENAKAT

<u>Penerima Faedah/Pencen</u>	<u>Perubahan Status</u>	<u>Dokumen/Maklumat Diperlukan</u>
▪ Balu / Duda	- Meninggal dunia/ berkahwin semula	- Sijil kematian / Sijil Kahwin
▪ Anak	- Meninggal dunia / berkahwin sebelum mencapai 21 tahun / belajar di Peringkat Diploma dan Ijazah/ Cacat	- Sijil kematian/ Sijil Kahwin/ Pengesahan Belajar / Laporan Perubatan oleh Pakar
▪ Ibu bapa	- Meninggal dunia	- Sijil kematian
▪ Adik beradik	- Meninggal dunia / berkahwin sebelum mencapai 21 tahun	- Sijil kematian/ Sijil Kahwin

LAIN-LAIN PERUBAHAN STATUS

<u>Penerima Faedah/Pencen</u>	<u>Perubahan Status</u>	<u>Dokumen/Maklumat Diperlukan</u>
▪ Anak / Adik	- Pertukaran Penjaga	- Borang Pengesahan Penjaga (Borang PKS(F)17), Salinan Kad Pengenalan Penjaga Baru, Maklumat Akaun Bank
▪ Anak	- Lahir Selepas Kematian Orang Berinsurans	- Borang Tuntutan (Borang 24) & Sijil Lahir Anak
▪ Penerima Faedah/Pencen	- Pertukaran Alamat	- Maklumkan alamat terbaru

AKUAN PENERIMAAN BORANG AKUAN PERATURAN 117 (BAGI TAHUN &1)
(Untuk Diisi Oleh Penghantar/Pengirim)

Nama Orang Berinsurans / Simati :

No. Kad Pengenalan:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Alamat :

.....
.....
.....

COP TARIKH TERIMA

MAKLUMAN :

1. Penerima faedah/pencen akan menerima Borang Akuan Peraturan 117 setahun sekali yang merupakan akuan pengesahan status diri/orang tanggungan.
2. Tuan/puan dikehendaki mengembalikan Borang Akuan Peraturan 117 yang lengkap dengan kadar segera untuk memastikan bayaran faedah/pencen bagi tahun berikutnya dikeluarkan dengan tepat.
3. Tuan/puan dinasihatkan untuk berurusan terus dengan mana-mana Pejabat PERKESO yang berhampiran untuk sebarang kemusykilan. Elakkan daripada menggunakan khidmat orang tengah dalam sebarang urusan PERKESO.
5. Sila hubungi Pejabat PERKESO yang berhampiran sekiranya memerlukan maklumat lanjut.